

ISU JENAYAH: TINJAUAN DARI PERSPEKTIF MASYARAKAT DI KOTA BELUD

CRIME ISSUES: A REVIEW FROM THE COMMUNITY'S PERSPECTIVE IN KOTA BELUD

Nor-Ina Kanyo¹
Madzriani Binti Mohd Jony²
Nurul Syahfiqqah Azzilah Binti Mapiasah²
Nurul Aziati Azizuzita Binti M Azis²
Rahim Ahmad³

¹ Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah.

² Pelajar Tahun Akhir Program Geografi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.

³ Pelajar Sarjana Multimedia, Universiti Utara Malaysia.

Email: norina@ums.edu.my

Article history

Received date : 17-5-2025
Revised date : 18-5-2025
Accepted date : 5-7-2025
Published date : 15-7-2025

To cite this document:

Kanyo, N. A., Mohd Jony, M., Mapiasah, N. S. A., M
Azis, N. A. A., & Ahmad, R, (2025). Isu jenayah:
Tinjauan dari perspektif masyarakat di Kota Belud.
*Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 10 (74), 9 - 20.

Abstrak: Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti isu jenayah berdasarkan tinjauan masyarakat di Kota Belud, Sabah. Seramai 24 orang informan telah dipilih secara rawak yang juga merupakan masyarakat tempatan di kawasan Pekan Kota Belud ditemubual untuk mendapatkan maklumat bagi melengkapi kajian ini. Terdapat tiga objektif yang dikaji iaitu mengenalpasti masalah jenayah yang sering berlaku di Kota Belud, mengkaji gambaran jenayah di daerah Kota Belud dan menganalisis keberkesanan kemudahan keselamatan yang disediakan di daerah Kota Belud. Metodologi yang digunakan adalah berfokuskan sepenuhnya terhadap kaedah kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa walaupun kadar jenayah secara keseluruhannya berada dalam keadaan terkawal, namun ianya tetap menimbulkan keresahan dan kebimbangan dalam kalangan masyarakat di Kota Belud. Tambahan lagi, penambahbaikan dari segi kemudahan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah perlu bagi meningkatkan keselamatan masyarakat dengan lebih berkesan. Oleh itu, dapatan kajian ini membolehkan pihak yang berwajib mengambil tindakan susulan dan pendekatan yang sewajarnya dalam usaha menangani isu jenayah dalam kalangan masyarakat khususnya di Kota Belud, Sabah.

Kata kunci: Jenayah, Perspektif, Masyarakat, Kota Belud, Sabah.

Abstract: This study was conducted to identify crime issues based on a community survey in Kota Belud, Sabah. A total of 24 informants were randomly selected who were also local people in the Kota Belud Town area and were interviewed to obtain information to complete this study. There were three objectives studied, namely to identify crime problems that often occur in Kota Belud, to study the picture of crime in the Kota Belud district and to analyze the effectiveness

of security facilities provided in the Kota Belud district. The methodology used was focused entirely on qualitative methods. The results of the study found that although the overall crime rate is under control, it still causes anxiety and concern among the community in Kota Belud. In addition, improvements in terms of security facilities by the Royal Malaysian Police (PDRM) are necessary to improve community safety more effectively. Therefore, the findings of this study enable the authorities to take follow-up action and appropriate approaches in efforts to address crime issues among the community, especially in Kota Belud, Sabah.

Keywords: *Crime, Community, Perspective, Kota Belud, Sabah.*

Pengenalan

Secara umumnya, jenayah boleh ditakrifkan sebagai suatu tingkah laku yang menyalahi undang-undang yang terdapat di sesebuah kawasan atau negara (Mohd Jamil patah, 2014). Jenayah juga boleh ditakrifkan sebagai tindakan atau perlakuan yang menyalahi undang-undang jenayah mahupun akta-akta lain. Jika dilihat dari segi sosial, jenayah boleh ditakrifkan sebagai tingkah laku yang bertentangan dengan nilai dan moral dalam norma masyarakat. Terdapat pelbagai tingkah laku jahat manusia dikelaskan sebagai kegiatan jenayah dan pada masa yang sama dari perspektif yang berbeza ianya adalah tingkah laku tidak bermoral. Rentetan daripada itu, undang-undang jenayah menitikberatkan aspek luaran manakala moral lebih menitikberatkan aspek dalaman (Mohd Reduan Aslie, 1990). Berdasarkan kamus sosiologi, jenayah didefinisikan sebagai satu perbuatan yang boleh dikenakan tindakan undang-undang, suatu kesalahan yang melebihi batas peribadi mahupun pihak awam, pelanggaran peraturan yang dilarang atau undang-undang dengan hukuman atau sekatan yang sah serta dimana campur tangan pihak berkuasa awam adalah diperlukan (John Scott, 2014).

Jenayah juga dapat didefinisikan sebagai perbuatan yang berbahaya tidak kira kepada sebahagian individu akan tetapi terhadap komuniti, masyarakat mahupun negara yang dikenali sebagai kesalahan awam. Perbuatan jenayah ini sangat dilarang dan boleh dikenakan hukuman daripada undang-undang. Setiap negara mempunyai hak kuasa bagi menyekat hak kebebasan seseorang individu dalam melakukan jenayah. Hal ini disebabkan kerana, sekiranya negara tersebut tidak mengenakan sekatan bagi menyekat hak kebebasan seseorang individu maka negara tersebut akan menjadi tidak teratur dengan kemungkinan perlakuan jenayah dalam yang tinggi. Masyarakat dapat melakukan sebarang perkara tanpa dikenakan apa-apa tindakan yang mampu mendatangkan kesan bahaya kepada individu yang lain mahupun masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, segala perlakuan yang boleh dinyatakan sebagai jenayah adalah sebuah larangan dan dapat dikenakan hukuman berdasarkan undang-undang (Elizabeth, 2003).

Apabila wujudnya kebergantungan terhadap pihak berkuasa yakni pihak polis rentetan daripada perasaan bimbang terhadap jenayah, ini secara tidak langsung melibatkan isu perlindungan dan keselamatan sejagat. Justeru itu, dalam setiap ketamadunan sesuatu bangsa, terdapat badan penguatkuasa yang melaksanakan peraturan, undang-undang dan aktiviti sosial demi menjaga kesejahteraan dan keselamatan terhadap masyarakat dan negara.

Kehadiran pihak polis sememangnya sinonim dengan konsep menangani jenayah. Hal ini dikatakan demikian kerana sejarah pasukan polis negara Malaysia ditubuhkan secara rasmi pada 25 Mac tahun 1807 di Pulau Pinang yang menguatkuasakan Piagam Keadilan harter of Justice. Bahkan, sebenarnya pasukan PDRM ini telah bermula sejak kurun ke-18 lagi. Di Malaysia, pencegahan jenayah telahpun termaktub di bawah peranan dan fungsi pasukan polis

dalam Seksyen 3(3) Akta Polis 1967 yang merangkumi aktiviti mengesan dan menangani jenayah. Terdapat dua pendekatan yang boleh diambil berdasarkan peranan dan fungsi tersebut iaitu pendekatan proaktif yang meliputi tindakan yang diambil sebelum berlakunya jenayah seperti program pengawasan komuniti dan pendekatan reaktif yang meliputi tindakan yang diambil setelah berlakunya jenayah tidak kiralah sama ada untuk menjalankan siasatan, tangkapan atau dakwaan bagi menjejak penjenayah, memberi hukuman mahupun pemulihan terhadap penjenayah (Lanang, W. N. W. W., dan Hassan, M. S., 2021).

Latar Belakang Kawasan Kajian

Bagi memudahkan perbincangan jenayah daerah Kota Belud, terlebih dahulu dijelaskan aspek latar geografi daerah. Kota Belud merupakan sebuah daerah di utara Bahagian Pantai Barat, timur laut negeri Sabah, Malaysia. Pusat pentadbiran daerah ini terletak di Pekan Kota Belud. Daerah Kota Belud juga terkenal dengan nama jolokan "Daerah Koboï Timur" kerana kehebatan penduduknya menunggang kuda, kerbau dan lembu. Dari aspek geografi, Daerah Kota Belud terletak di utara negeri Sabah dan berkeluasan 1,391 kilometer persegi. Daerah ini bersempadan dengan Daerah Tuaran di barat, Daerah Ranau di tenggara, Daerah Kota Marudu di timur dan Laut China Selatan di utara. Bentuk muka bumi daerah Kota Belud kebanyakannya merupakan dataran tinggi dan berbukit di bahagian selatan manakala di kawasan selatan dan pesisir pantai, bentuk muka buminya merupakan dataran rendah dan rata. Daerah Kota Belud mula dibentuk pada tahun 1951 apabila Majlis Daerah Kota Belud mula ditubuhkan. Majlis Daerah Kota Belud juga merupakan antara kerajaan tempatan terawal di negeri Sabah. Daerah Kota Belud ditadbir oleh Majlis Daerah Kota Belud dan berpusat di Pekan Kota Belud. Daerah ini juga terbahagi kepada 20 buah mukim dan 159 buah kampung (Majlis Daerah Kota Belud, 2024). Berdasarkan bancian Malaysia 2020, jumlah penduduk di daerah Kota Belud ialah seramai 107,243 orang dengan kepadatan penduduk 77 orang perkilometer persegi yang dikategorikan sebagai taburan penduduk sederhana. Majoriti penduduk di daerah Kota Belud merupakan Bumiputera termasuklah etnik Iranun, Bajau, Kadazandusun, Murut dan Melayu. Agama Islam merupakan agama paling ramai dianuti penduduk Kota Belud dengan peratusan lebih 65 peratus, diikuti agama Kristian sebanyak 34 peratus. Agama Buddha, Hindu dan lain-lain serta tidak beragama mencatatkan kurang daripada satu peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020; Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020 dan Nor-Ina et.al, 2024). Bagi pengawasan keselamatan dan jenayah di Daerah Kota Belud, PDRM menempatkan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di Pekan Kota Belud. Daerah Kota Belud mempunyai beberapa pondok polis bagi mempertingkatkan keselamatan dan mengurangkan jenayah. Anaranya ialah Balai Polis kelawat di Kg kelawat, Pondok Polis Kuala Abai di Kg Kuala Abai dan Pondok Polis Rosok di Kg Rosok (PDRM, Portal Rasmi PDRM, 2024). Kota Belud merupakan sebuah pekan dan daerah yang terletak di Bahagian Pantai Barat, Sabah. Ia terletak kira-kira 70 kilometer dari Kota Kinabalu. Keluasan pekan Kota Belud ini adalah sebanyak 1,385.60 kilometer persegi dan mempunyai 93,180 orang penduduk yang terdiri daripada pelbagai bangsa misalnya Dusun, Bajau, Iranun dan sebagainya. Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada pemilihan Daerah Kota Belud sebagai kawasan kajian bagi konteks kajian ini, antaranya ialah (a) merupakan daerah yang terawal di Sabah sebagai sebuah kerajaan tempatan dan ditadbir oleh Majlis Daerah Kota Belud, (b) Kota Belud merupakan daerah yang mencatatkan kes jenayah yang paling rendah antara 20 daerah di Sabah bagi tahun 2022 (PDRM Daerah Kota Belud, 2022). Justeru itu, kertas kerja ini cuba mengetengahkan dan meneliti persepsi masyarakat tentang gambaran jenayah serta keberkesanan kemudahan keselamatan yang disediakan oleh pihak polis di Kota Belud, Sabah bagi membendung masalah jenayah di daerah berkenaan.

Permasalahan Kajian

Isu jenayah adalah satu masalah sosial yang menunjukkan peningkatan terutama di kawasan pambandan di dunia termasuk negara Malaysia. Peningkatan jenayah ini sangat membimbangkan dan telah mendapat perhatian semua pihak dari pelbagai peringkat masyarakat. Justeru, dalam menghadapi segala cabaran yang ada, Polis Di Raja Malaysia (PDRM) sentiasa membuat perubahan yang berterusan bukan sahaja untuk memperbaiki pentadbiran dan pengurusan tetapi juga boleh mendorong memperbaiki kualiti perkhidmatan termasuk memantapkan nilai kompetensi supaya anggota polis lebih peka dengan tuntutan undang-undang dan hak asasi manusia (Zakaria, 2006). Namun begitu, penurunan kes jenayah tidak semestinya bermakna suatu jenayah itu tidak akan berlaku lagi. Sebaliknya, kejadian jenayah boleh meningkat dari semasa ke semasa dan peningkatan perlakuan jenayah ini adalah bukan dari ketidakberkesanan langkah yang dijalankan sahaja, tetapi juga disebabkan oleh pelbagai faktor termasuklah desakan hidup serta ruang dan peluang. Sebagai misalan, individu yang telahpun berniat untuk melakukan jenayah ditambah lagi dengan peluang yang wujud untuk berbuat demikian akan terdorong untuk melakukan jenayah tersebut. Selain itu, faktor desakan hidup menyebabkan seseorang sanggup mengambil jalan singkat dengan melakukan jenayah untuk keluar daripada kepompong kemiskinan yang mereka hadapi. Individu berkenaan juga terpaksa melakukannya kerana ingin membiayai kos sara hidup yang lebih tinggi berbanding dengan pendapatan yang diperoleh. Rentetan dari faktor-faktor tersebut, permasalahan jenayah menjadi rumit dan sukar untuk dibendung. Oleh itu, tahap keselamatan masyarakat perlu dititikberatkan.

Persoalan Kajian

Sehubungan dengan itu, pengkaji telah merumuskan beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah masalah jenayah yang sering berlaku di daerah Kota Belud?
- ii. Adakah kadar jenayah di daerah Kota Belud dalam keadaan baik?
- iii. Adakah kemudahan keselamatan yang disediakan di daerah Kota Belud mampu mengurangkan kadar jenayah?

Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif yang dikemukakan dalam menjalankan kajian ini dan kajian ini dibuat berlandaskan kepada objektif yang telah disusun seperti bawah iaitu:

- i. Mengenal pasti masalah jenayah yang sering berlaku di daerah Kota Belud.
- ii. Mengkaji keadaan/gambaran jenayah di daerah Kota Belud.
- iii. Menganalisis keberkesanan kemudahan keselamatan yang disediakan di daerah Kota Belud.

Sorotan Kajian Lepas

Menurut Laila Ali dalam kajiannya pada tahun 2019 iaitu Indikator Persepsi Jenayah 2018, faktor sekeliling yang wujud dan mempengaruhi pandangan individu terhadap keadaan persekitaran merupakan gambaran persepsi masyarakat secara umumnya. Pendek kata, persepsi boleh ditakrifkan sebagai pandangan individu terhadap keadaan disekitarnya dan pengalaman yang dilalui oleh individu berkenaan dalam sesuatu perkara dan persekitaran tertentu.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian Lee Kok Hong dan Nur Hairani Abd Rahman pada tahun 2019 iaitu mengenai Persepsi Masyarakat Terhadap Kualiti Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia, tanggungjawab dan kewajipan dalam menyalurkan perkhidmatan kepada orang awam menjadikan PDRM juga tidak ketinggalan daripada menerima keluhan dan kritikan daripada orang ramai, sama seperti agensi-agensi kerajaan yang lain. Punca kewujudan persepsi

negatif dalam kalangan orang awam terhadap kualiti perkhidmatan PDRM harus dikenal pasti dan dikaji dengan segera. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini mengesyorkan agar agensi kerajaan, khususnya dalam konteks kajian ini pihak PDRM, untuk meneliti semula kaedah penyampaian perkhidmatan pasukan tersebut. Begitu juga dengan langkah-langkah penyelesaian sedia ada boleh diperhalusi sebagai pendekatan untuk meningkatkan tahap kepuasan dan kepercayaan orang awam terhadap mutu perkhidmatan PDRM di samping menangkis persepsi negatif masyarakat terhadap agensi keselamatan terulung negara ini.

Selanjutnya, berdasarkan kajian lepas oleh Wan Nurul Wahidah Wan Lanang dan Muhamad Sayuti Hassan iaitu Program Pencegahan Jenayah di Negeri Perak melalui Peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Masyarakat pada tahun 2021, penulis tersebut menyatakan bahawa di bawah Indeks Kualiti Hidup Malaysia, keselamatan awam adalah salah satu aspek yang berhubung kait dalam membanteras jenayah. Hal ini dikatakan demikian kerana kadar jenayah mempengaruhi keharmonian hidup masyarakat. Lantaran itu, kerajaan telah membuat rangka dan pelbagai inisiatif untuk menangani jenayah. Sebagai misalan, salah satu usaha pihak PDRM adalah menganjurkan aktiviti agar isu jenayah dalam kalangan masyarakat mampu ditangani dengan baik. Justeru itu, pengamalan polis dalam komuniti ini bersesuaian dengan Teori Broken Windows sebagai langkah permulaan bagi mencegah jenayah daripada berleluasa dalam kalangan masyarakat.

Lyidia Mastura Binti Alias dalam kajiannya pada tahun 2014 pula menyatakan bahawa peranan dan pendekatan pihak PDRM sebagai penguatkuasa utama undang-undang negara kian bertambah. Hal ini demikian kerana dengan adanya kemajuan teknologi maklumat dan ekonomi negara yang makmur masa kini mendorong kepada tercetusnya situasi tidak menentu. Aliran jenayah kini telah membuktikan tentang kewujudan golongan pelaku jenayah profesional, berpendidikan dan berkedudukan tinggi serta status sosial yang cemerlang. Oleh itu, peranan dan pendekatan pegawai dan anggota PDRM harus berada pada tahap yang paling efisien dari segi pengetahuan, kemahiran serta tingkah laku proaktif bagi memastikan matlamat yang telah digariskan oleh pengurusan PDRM boleh dikecapi khususnya pada era transformasi pengurusan negara yang menekankan Indeks Prestasi Utama (KPI) di bawah enam teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), termasuk bidang usaha bagi menurunkan kadar jenayah (Nor-Ina, et.al (2024).

Metodologi Kajian

Metodologi merupakan sebuah cara yang diaplikasikan bagi melaksanakan penyelidikan kepada subjek kajian yang tertentu (Hornby, 1985). Metodologi dirujuk sebagai peralatan yang dipakai bagi mengumpul, mengorganisasi dan menilai maklumat. Menurut Ustaz Kenali (2013), metodologi kajian adalah teknik dan kaedah membina benda, mengumpulkan serta mentafsir data agar boleh mendapatkan keterangan yang dapat menyokong sesebuah penyelidikan atau merumuskan perkara yang dikaji. Segala masalah yang diselidik dan sebab sesuatu teknik yang tertentu digunapakai mampu diterangkan dalam metodologi. Antara tujuan metodologi atau kaedah kajian ini ialah bagi membantu memudahkan dan memahami dengan lebih terperinci lagi mengenai penggunaan cara iaitu seperti membuat huraian tentang prosedur kajian. Menurut Rohana Yusof (2003), pendekatan kualitatif menekankan terhadap pengalaman subjektif seseorang individu yang harus dikaji secara kualitatif dan realiti sosial mempunyai maksud tertentu yang bersifat subjektif serta personal.

Kaedah kualitatif diaplikasikasikan sepenuhnya oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini dimana pendekatan reka bentuk kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pelan tindakan sebagai

panduan dalam menjalankan kajian secara cekap dan sistematik. Kaedah pengumpulan data boleh dilakukan berdasarkan dua cara utama iaitu rujukan data primer serta pengumpulan data sekunder. Dalam kajian ini, penggunaan sumber primer adalah berfokuskan kepada temubual di kawasan kajian iaitu pengumpulan maklumat yang melibatkan interaksi sosial antara individu, dan ia adalah salah satu cara yang terbaik untuk mengetahui bagaimana sesuatu situasi dilihat dari perspektif orang lain. Dalam pengumpulan data primer ini, borang soal selidik disediakan bagi tujuan kutipan data. Seramai 24 orang informan telah dipilih secara rawak untuk mendapatkan jawapan dan persoalan bagi setiap permasalahan yang ingin diketahui oleh pengkaji. Tambahan lagi, sebanyak 5 soalan yang diutarakan oleh pengkaji kepada informan. Penggunaan sumber sekunder pula merangkumi carian perpustakaan seperti buku-buku ilmiah, artikel jurnal tempatan atau luar negara, kertas kerja, akhbar, laporan berita dan carian melalui internet. Sehubungan dengan itu, pengkaji mampu mendapatkan lebih banyak maklumat melalui kaedah-kaedah yang berlainan yang mempunyai kelebihan masing-masing dalam mendapatkan hujah, bukti dan sokongan dalam menjayakan kajian ini.

Teknik analisis data yang digunakan oleh pengkaji adalah analisis deskriptif. Analisis ini digunakan bagi memberi penerangan dan menganalisis data-data yang diterima daripada temubual di kawasan kajian dalam bentuk peratusan.

Dapatan Kajian

Senario Jenayah di Kota Belud.

Bagi kajian ini, trend semasa pelakuan jenayah bagi daerah Kota Belud untuk tempoh masa 5 tahun sebelum tahun 2022 adalah belum dapat diperolehi semasa kajian ini dilakukan. Hal ini kerana dalam perolehan data lengkap berkaitan trend semasa jenayah, ianya memerlukan suatu tempoh masa yang agak Panjang dan perlu memenuhi prosedur dalam perolehan data seperti perlu menyediakan surat kepada Ketua Polis Daerah, Ketua Polis Kontinjen Sabah, dan seterusnya surat permohonan kepada Kontinjen Polis Bukit Aman. Tempoh masa yang panjang dan prosedur permohonan bagi kelulusan yang agak lama bagi mendapatkan data menyebabkan penulisan ini tidak dapat memaparkan data bagi trend semasa jenayah daerah. Justeru itu, bagi konteks penulisan ini, penyelidik hanya dapat memaparkan data yang disediakan oleh Polis daerah Kota Belud Sahaja sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 1 dan Jadual 2 dalam artikel ini.

Jadual 1: Statistik Trend Jenayah Indeks dan Non-Indeks di Kota Belud, Sabah bagi tempoh 2021 hingga 2022

DUN	INDEKS	ON- INDEKS	JUMLAH
N8- PINTASAN 37 BUAH KAMPUNG	6	9	15
N9- TEMPASUK 43 BUAH KAMPUNG	2	16	18
N10- USUKAN 31 BUAH KAMPUNG	23	74	97
N11 - KEDAMAIAN 74 BUAH KAMPUNG	7	14	21
JUMLAH	38	133	151

Sumber: PDRM Daerah Kota Belud, Sabah (2022)

Berdasarkan Jadual 1 yang menunjukkan trend jenayah indeks bagi N8 Pintasan yang mempunyai 37 buah kampung mencatatkan jumlah sebanyak 6, manakala non-indeks adalah sebanyak 9 dan secara keseluruhannya mencatatkan sebanyak 15 kes jenayah pada tahun 2021 sehingga 2022. Bagi N9 Tempasuk yang mempunyai 43 buah kampung mencatatkan jenayah indeks sebanyak 2 kes manakala non indeks adalah 16 kes dan secara keseluruhannya mencatatkan sebanyak 18 kes. N10 Usukan yang mempunyai 31 buah kampung mencatatkan jumlah indeks paling tinggi berbanding DUN lain iaitu sebanyak 23 kes manakala non-indeks adalah 74 kes, secara keseluruhannya mencatatkan kes paling tinggi iaitu 97 kes. Di N11 Kedamaian pula yang mempunyai 74 buah kampung yang mencatatkan jenayah indeks sebanyak 7 kes manakala non-indeks adalah 14 kes, dan secara keseluruhannya mencatatkan 21 kes pada tahun 2021 sehingga 2022. Maka dapat dilihat bahawa jenayah indeks dan non-indeks N10 Usukan adalah merupakan penyumbang utama kes jenayah berlaku di Kota Belud, Sabah bagi tempoh tersebut.

Jadual 2: Statistik Kes Jenayah Di Kota Belud, Sabah 2021-2022

KES	2021	SELESAI	%	2022	SELESAI	%	(+ / -)	%
JEN. KEKERASAN								
BUNUH	0	0	0.00	0	0	0.00	0	0.00
ROGOL	5	5	100.0	6	6	100.0	1	20.000
SAMUN BERKAWAN BERSENJATA API	0	0	0.00	0	0	0.00	0	0.00
SAMUN BERKAWAN TANPA BERSENJATA API	2	2	100.00	0	0	0.00	0	100.0
SAMUN BERSENJATA API	0	0	0.00	0	0	0.00	0	0.00
SAMUN TANPA SENJATA API	0	0	0.00	1	1	100.00	1	0.00
MENCEDERAKAN	1	1	100.0	1	1	100.0	0	0.00
JUMLAH	8	8	100.0	8	8	100.0	0	0.00
HARTA BENDA								
CURI	50	50	100.0	12	12	100.0	38	76.00
CURI MOTOKAR	1	1	100.00	0	0	0.00	1	100.0
CURI MOTOSIKAL	7	7	100.00	5	4	80.0	2	28.57
CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	0	0	0.00	0	0	0.00	0	0.00
CURI RAGUT	0	0	0.00	0	0	0.00	0	0.00
PECAH RUMAH MASUK	28	28	100.00	13	12	92.30	15	53.57
JUMLAH	86	86	100.0	30	29	100.0	56	65.11
JUMLAH INDEKS	94	94	100.0	38	37	100.0	56	59.57

Sumber: PDRM Daerah Kota Belud, Sabah (2022)

Berdasarkan Jadual 2, statistik menunjukkan jenayah keseluruhan di Kota Belud dari tahun 2021 sehingga 2022 dan dapat dilihat jenis-jenis jenayah yang diklasifikasikan sebagai jenayah harta benda dan jenayah kekerasan. Statistik turut memperlihatkan jenayah kekerasan terdiri daripada jenayah bunuh, rogol, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa

bersenjata api, samun bersenjata api, samun tanpa bersenjata api dan mencederakan. Manakala bagi jenayah harta benda terdiri daripada jenayah curi, curi motokar, curi motosikal, curi van/lori/jentera, curi ragut dan pecah rumah. Berdasarkan Jadual 2 tersebut, jenayah kekerasan yang mencatatkan jumlah indeks pada tahun 2021 dan 2022 adalah sebanyak 8 kes. Jenayah bunuh dan samun bersenjata api mencatatkan jumlah indeks sifar, jenayah mencederakan dan samun berkawan tanpa bersenjata api mencatatkan sebanyak 2 kes, jenayah samun tanpa bersenjata api mencatatkan jumlah indeks 1 kes dan jenayah rogol mencatatkan jumlah sebanyak 11 kes bagi tempoh 2021 hingga 2022. Bagi jenayah harta benda pula mencatatkan jumlah indeks pada tahun 2021 yang mencatatkan sebanyak 86 kes pada tahun 2021, manakala 30 kes pada tahun 2022. Jenayah curi yang mencatatkan jumlah sebanyak 62 kes, jenayah curi motokar yang mencatatkan jumlah sebanyak 1 kes, jenayah curi van/van/lori/jentera dan curi ragut mencatatkan jumlah kes sifar, jenayah curi motosikal yang mencatatkan sebanyak 12 kes dan jenayah pecah rumah yang mencatatkan sebanyak 41 kes bagi tempoh 2021 hingga 2022.

Berdasarkan statistik berkenaan dapat disimpulkan bahawa jelas menunjukkan jenayah curi merupakan salah satu jenayah harta benda yang jadi penyumbang kepada kadar jenayah indeks di Kota Belud, Sabah. Jenayah curi ini berpunca daripada kurang didikan agama, pengaruh persekitaran, keluarga yang bermasalah, pengangguran, pengaruh rakan dan juga sekadar untuk hiburan dan kepuasan diri (Haqqi et al., 2022). Kebanyakan jenayah curi ini disebabkan oleh terdesak dan masalah ekonomi sehingga mereka memilih untuk mencuri yang menjadi jalan paling mudah dan cepat untuk mendapatkan wang bagi membiayai kehidupan seharian. Walaupun, indeks jenayah curi mengalami penurunan disebabkan Pandemik Covid-19, kehidupan rakyat semakin terdesak akibat kehilangan dan pengurangan pendapatan (Sinar Harian, 2021). Kejadian yang berlaku ini telah memaksa rakyat untuk mencuri berbentuk material yang bernilai dan akan dijual bagi mendapatkan wang tunai. Desakan hidup ini telah mendorong pelaku untuk melakukan jenayah curi berkali-kali.

Jenayah kedua yang menyumbang kepada kadar jenayah indeks di Kota Belud, Sabah adalah jenayah pecah rumah masuk. Pecah rumah masuk ini mewujudkan perasaan takut di kalangan masyarakat sehingga mampu menjejaskan kualiti hidup penduduk setempat di suatu kawasan yang berlaku jenayah pecah rumah masuk. Permasalahan jenayah pecah rumah yang berlaku disebabkan oleh kekurangan ciri-ciri keselamatan rumah seperti pagar sekeliling rumah dan memasang gril pada pintu dan tingkap. Tambahan pula, dengan sikap kecuai penghuni terhadap aspek keselamatan dengan tidak tutup atau kunci pintu rumah terutama ketika meninggalkan rumah dapat memberi peluang kepada pelaku untuk melakukan jenayah (Marzilla et al., 2019).

Jenayah ketiga dalam jenayah harta benda yang menyumbang kepada peningkatan kadar indeks adalah curi motokar. Antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya kecurian motokar ialah sikap pemilik motosikal itu sendiri yang lupa menanggalkan kunci pada pencucuh dan membiarkan pintu kereta mereka tidak berkunci (Utusan Borneo, 2015). Bukan itu sahaja, pemilik motosikal juga sering meletakkan motosikal mereka di tempat yang terpencil atau kawasan gelap pada waktu malam sehingga menyebabkan berlakunya kecurian motokar. Kes kecurian motokar ini selalunya bersifat jenayah terancang yang membabitkan pelbagai peringkat dan pihak. Kereta yang dicuri biasanya akan dijual ataupun bahagian-bahagian kereta akan dipisahkan untuk dijadikan alat ganti terpakai. Hal ini kerana semakin banyak kereta yang meningkat usia, maka pasaran alat ganti terpakai akan turut meningkat. Bekalan alat ganti

terpakai mungkin datang dari kereta-kereta curi dan bahagian dalaman kereta yang telah dipisahkan satu per satu agar boleh dijadikan alat ganti.

Bagi jenayah kekerasan pula menunjukkan jenayah rogol merupakan kadar jenayah indeks yang tinggi berbanding yang lain. Terdapat beberapa punca kejadian rogol iaitu kurangnya didikan agama, cara berpakaian perempuan, pergaulan bebas, penyalahgunaan alkohol dan dadah (Jawan et al., 2021). Selain itu, dengan adanya kemajuan teknologi khususnya melalui media elektronik mahupun sosial yang tidak terkawal akan menyebabkan bahan lucah mudah merebak di kalangan lelaki (Jamaludin, 2015; Mohd, 2019). Hal ini menyebabkan, pemikiran negatif membentuk ke arah yang melakukan jenayah seks iaitu rogol. Dalam kegairahan terhadap video lucah, pemikiran negatif akan terbentuk menuju ke arah melakukan jenayah seks iaitu rogol (Utusan Malaysia 2020). Oleh yang demikian, jenayah ini berlaku disebabkan oleh kurangnya didikan agama ataupun pengaruh persekitaran yang menyebabkan individu melakukan jenayah. Hal ini menyebabkan, akan memberi kesan kepada kehidupan masyarakat terutama kepada mangsa jenayah di sesebuah kawasan. Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mendedahkan bahawa jumlah jenayah yang dilaporkan melibatkan jenayah harta benda adalah lebih tinggi berbanding dengan jenayah kekerasan di Kota Belud, Sabah (Tajuddin, 2022). Maka artikel ini bertujuan untuk membincangkan tentang jenis-jenis jenayah yang perlu dilihat agar dapat dijadikan garis panduan dalam mengurangkan jenayah serta membuka mata pelbagai pihak berkuasa dan masyarakat berkaitan dengan masalah jenayah yang berlaku di Kota Belud, Sabah

Penemuan Kajian

Isu Jenayah Menurut Perspektif Masyarakat Kota Belud

Berdasarkan objektif pertama, hasil kajian mendapati bahawa majoriti penduduk di sekitar pekan Kota Belud iaitu seramai 16 orang informan daripada 24 orang secara keseluruhannya berpendapat bahawa jenayah yang sering berlaku di Kota Belud adalah jenayah kecurian iaitu bersamaan dengan 66.67% manakala seramai 3 orang informan menjawab jenayah gaduh bersamaan dengan 12.5%, 1 orang informan masing-masing menjawab jenayah rempit, mabuk dan tidak pasti iaitu bersamaan dengan 4.17% serta 2 orang informan menjawab tiada jenayah yang sering berlaku di kawasan mereka iaitu bersamaan dengan 8.33%.

Seterusnya, terdapat dua soalan yang diutarakan oleh pengkaji untuk menjawab objektif kedua kajian. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti penduduk di sekitar pekan Kota Belud iaitu seramai 21 orang informan bersamaan dengan 87.5% daripada 24 orang secara keseluruhannya bersetuju bahawa kadar jenayah di daerah Kota Belud berada keadaan baik. Menurut informan terbabit, hal ini berikutan dengan keadaan jenayah yang masih terkawal. Namun, terdapat 3 orang informan memberi maklum balas sebaliknya iaitu bersamaan dengan 12.5%. Hal ini dikatakan demikian kerana informan tersebut berpendapat bahawa tiada sebarang perubahan didapati terhadap pelakuan jenayah dikawasan mereka. Selain itu, didapati juga seramai 13 orang informan bersamaan dengan 54.17% bersetuju bahawa kadar jenayah di Kota Belud menimbulkan keresahan dan kebimbangan dalam kalangan masyarakat di Kota Belud manakala 11 orang informan pula mengatakan sebaliknya iaitu bersamaan dengan 45.83%. Oleh itu, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada majoriti informan, pengkaji merumuskan bahawa walaupun kadar jenayah berada dalam keadaan baik tetapi ianya masih menimbulkan keresahan dan kebimbangan dalam kalangan penduduk.

Hasil kajian yang selanjutnya menunjukkan bahawa seramai 16 orang informan bersamaan dengan 66.67%. bersetuju bahawa kewujudan balai polis di kawasan ini dapat mengurangkan kes jenayah di Kota Belud. Sementara itu, seramai 7 orang informan iaitu

bersamaan dengan 29.17% berpendapat bahawa kewujudan balai polis tersebut tidak mendatangkan sebarang perubahan terhadap kadar jenayah di kawasan tersebut manakala terdapat 1 orang informan sahaja iaitu bersamaan dengan 4.17% menjawab tidak pasti. Sementelahan itu, hasil kajian juga mendapati bahawa seramai 19 orang informan iaitu bersamaan dengan 79.17% turut bersetuju bahawa kemudahan keselamatan yang disediakan tidak mencukupi dan perlu ditambahbaik untuk tujuan meningkatkan keselamatan masyarakat di Kota Belud. Cadangan penambahbaikan berdasarkan informan-informan tersebut termasuklah pemasangan kamera litar tertutup, pembinaan pondok polis, kekerapan rondaan oleh pihak polis dan pengawal keselamatan. Sebaliknya, terdapat 5 orang responden memberi maklum balas sebaliknya atas alasan bahawa kemudahan keselamatan yang disediakan telahpun mencukupi. Sehubungan dengan itu, pengkaji merumuskan bahawa walaupun majoriti informan bersetuju bahawa kewujudan balai polis dapat mengurangkan kes jenayah di Kota Belud, namun masyarakat di Kota Belud beranggapan bahawa kemudahan keselamatan yang disediakan belum mencukupi dan perlu penambahan untuk meningkatkan keselamatan masyarakat di kawasan terbabit.

Perbincangan

Masalah sosial dan jenayah bukanlah satu isu yang baru di Malaysia. Hal ini kerana, Malaysia tidak terkecuali apabila dikaitkan dengan pelbagai perilaku jenayah seperti, samun, pecah rumah, kecurian, rogol dan penyalahgunaan dadah. Jika hal ini dibiarkan berterusan, ianya akan menjadi satu penyakit yang boleh mengganggu hala tuju serta pencapaian negara (Ramli Din, 2016). Berdasarkan data statistik jenayah di Kota Belud, jenayah harta benda mencatatkan sebanyak 86 kes pada tahun 2021 manakala 30 kes pada tahun 2022 yang mana jenayah curi mencatatkan jumlah sebanyak 62 kes dan meliputi jenayah curi motokar yang mencatatkan jumlah sebanyak 1 kes, jenayah curi van/lori/jentera dan curi ragut mencatatkan jumlah kes sifar, jenayah curi motosikal yang mencatatkan sebanyak 12 kes dan jenayah pecah rumah yang mencatatkan sebanyak 41 kes bagi tempoh 2021 hingga 2022. (PDRM, Daerah Kota Belud, Sabah (2022)). Berdasarkan statistik berkenaan, jelaslah jenayah curi merupakan salah satu jenayah harta benda yang menjadi penyumbang kepada kadar jenayah di Kota Belud, Sabah. Hal ini selari dengan temubual yang dijalankan secara bersemuka dimana majoriti penduduk juga berpandangan bahawa jenayah kecurian merupakan jenayah yang sering berlaku dikawasan mereka. Dalam pada itu, persepsi masyarakat terhadap terhadap isu jenayah perlu diberi perhatian yang serius dalam mempertimbangkan faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku jenayah dalam kalangan masyarakat. Walaupun hasil kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa jenayah di Kota Belud masih berada dalam keadaan terkawal, tetapi mereka tetap berasa bimbang akan kejadian jenayah yang berlaku di kawasan mereka.

Menurut Ketua Polis Negara Tan Sri Mohamad Fuzi Harun pada tahun 2019, persepsi rasa selamat masyarakat tidak berubah walaupun Jenayah Indeks Per 100,000 Penduduk Se-Malaysia tahun lalu mencatatkan penurunan sebanyak 11.9 peratus iaitu 88,662 kes daripada nilai ambang ditetapkan sebanyak 100,611 kes. Antara sebab utama persepsi negatif itu adalah kekerapan kes yang dilaporkan media serta yang dialami sendiri oleh mangsa atau orang yang mereka kenali.

Sehubungan dengan itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu mengukuhkan kerjasama dan interaksi mereka dengan agensi penguatkuasaan lain, komuniti setempat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta bagi mendapatkan kepercayaan serta berkongsi maklumat dengan lebih cepat. Menurut Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM), Tan Sri Lee Lam Thye pada tahun 2019, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) sudah pun menjalankan kaji selidik yang menunjukkan kebanyakan rakyat Malaysia masih tidak berasa selamat dan hanya 10% daripada mereka percaya bahawa indeks jenayah menurun. Justeru pelbagai langkah dirancang di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) untuk menangani isu keselamatan dan keamanan negara bagi membantu meningkatkan persepsi orang ramai untuk berasa selamat hingga 60 peratus menjelang 2020. Adalah penting bagi PDRM dan agensi berkaitan mengambil langkah serius dan berterusan bagi meningkatkan persepsi orang ramai. Misalnya, mengurangkan masa bertindak balas atas setiap aduan kepada 8 minit seperti yang disasarkan melalui pengukuhan kerjasama dengan pelbagai pihak serta penggunaan teknik serta teknologi terkini sebagai langkah proaktif yang perlu dilakukan PDRM selaras dengan cadangannya untuk badan bebas bagi mengkaji tahap persepsi rasa selamat dalam kalangan rakyat negara ini.

Pendekatan ‘turun padang’ perlu dipertingkatkan kerana ia juga merupakan pendekatan yang terbaik bagi anggota penguatkuasa untuk berinteraksi dengan masyarakat. Sebagai misalan, anggota PDRM yang terbabit dalam aktiviti rondaan perlu berusaha untuk berhenti dan berbual dengan orang awam. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan tersebut boleh membantu menangani kebimbangan orang ramai untuk menjadi mangsa jenayah di samping meningkatkan kepercayaan mereka terhadap pihak berkuasa. Dalam pada itu, masyarakat perlu membuang sikap ‘tidak peduli’ mereka dan bertindak segera memaklumkan kepada pihak berkuasa jika menyaksikan jenayah atau aktiviti yang boleh mendorong kepada berlakunya jenayah. Lantaran itu, usaha untuk mengurangkan kadar jenayah dan memulihkan persepsi negatif masyarakat terhadap penurunan indeks jenayah memerlukan sokongan semua pihak termasuk agensi kerajaan dan sektor swasta, NGO, organisasi agama serta ibu bapa. Kejayaan pendekatan ini boleh menyebabkan persepsi negatif akan hilang apabila orang ramai mampu berjalan berseorangan tanpa perasaan bimbang menjadi mangsa jenayah seperti rompakan, rogol atau ragut seperti yang sering kita baca, lihat, dengar atau mungkin pernah alami selama ini.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian, dapat disimpulkan bahawa peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu dipertingkatkan sama ada dari segi penambahan pondok polis, kekerapan rondaan, penambahan anggota polis atau menambahbaik ciri keselamatan sedia ada seperti pemasangan kamera litar tertutup adalah penting bagi mengurangkan masalah jenayah kawasan. Juga tidak kurang pentingnya tentang peranan masyarakat dalam membanteras jenayah di daerah Kota Belud. Justeru, masyarakat perlu mengeratkan perpaduan dalam komuniti di kawasan setempat. Kerjasama erat di antara PDRM dan masyarakat sudah tentu akan dapat membantu dalam pelaksanaan program untuk mengatasi rasa bimbang dalam kalangan masyarakat. Secara tidak langsung juga, keinginan untuk menjadi negara yang aman dan harmoni dapat dicapai setanding negara-negara maju yang lain. Sudah semestinya kita sebagai rakyat Malaysia berharap dengan adanya penglibatan daripada banyak pihak di dalam usaha untuk menangani isu-isu jenayah, maka sudah tentu kes-kes yang dilaporkan akan semakin berkurangan bukan kerana tidak didedahkan atau tidak dilaporkan tetapi sememangnya kes tersebut tidak berlaku lagi di negara ini.

Rujukan

- Elizabeth, A. M. (2003). *Oxford Dictionary of Law (7 edition)*. Oxford : Oxford University Press. ISBN 978-0-19-860756-4.
- Hornby, A. S. (1985). *Advanced Learner's Dictionary of Current English*. Oxford : Oxford University Press.
- Jamilah Ahmad, Nurzali Ismail dan Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir. (2015). *Belia dan Isu Jenayah Masa Kini Di Malaysia*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- John Scott (2014). *The Oxford Dictionary of Sociology*. Oxford University Press: United Kingdom.
- Nor-Ina K, Norhuda S, Rahim A, Madzriani.M.J, Nurul Aziati Azizuzita, M.A & Nurul Syahfiqqah Azzilah.M (2024). Isu Jenayah: Tinjauan Dari Pendekatan Pihak Polis Dalam Pengurangan Jenayah di Kota Belud, Sabah. Vol.9 (68), 112-122, Journal of Islamic, Social, Economics and Development. eISSN:0128-1755. DOI: 10.55573/JISED.096810.
- Nor-Ina K. (2011). *Pelakuan Jenayah: Sejauhmanakah Kebimbangan Masyarakat? Satu Kajian Persepsi Penduduk Bandar Di Pulau Pinang*. Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar [MATRA 2011], 1-16.
- Laila Ali. (2019). *Indikator Persepsi Jenayah*. Journal of Public Security and Safety: Vol.9 No.1/2019.
- Lanang, W. N. W. W., & Hassan, M. S. (2021). Program Pencegahan Jenayah di Negeri Perak melalui Peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Masyarakat. Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan, 13(1), 85-101.
- Lee Kok Hong dan Nur Hairani Abd Rahman. (2019). *Persepsi Masyarakat Terhadap Kualiti Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia*. Jurnal Dunia Pengurusan: Vol.1, No. 3, 23-29.
- Lydia Mastura Binti Alias. (2014). *Hubungan Pengurusan Menangani Jenayah Dengan Kompetensi Pegawai Dan Anggota Polis Dengan: Di Ibu pejabat Polis Daerah Kulaijaya, Johor*. Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia: Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Jamil Patah (2014). *Definisi Jenayah*.
https://www.scribd.com/embeds/212359546/content?start_page=1&view_mode=scroll&accesskey=key-ffexxf7r1bzEfWu3HKwf Diakses pada 10 Januari 2023.
- Mohd Nasif Badruddin. (2019). *Polis perlu kukuh kerjasama dan interaksi*.
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/01/413295/polis-perlu-kukuh-kerjasama-dan-interaksi> Diakses pada 10 Januari 2023.
- Mohd. Reduan Aslie (1990). *Jenayah di Malaysia: Aliran, Punca, Penyelesaian*. AMK Interaksi Sdn.Bhd: Kuala Lumpur.
- Ramli Din. (2016). *Kadar jenayah belia di Melaka meningkat*. Utusan Malaysia.
<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kadar-jenayah-belia-di-melaka-meningkat-1.353720> Diakses pada 10 Januari 2023.
- Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong, Pahang : PTS Publications & Distributors.
- Ustaz Kenali. (2013). *Apakah Maksud Metodologi*.
<https://www.google.com/url?sa=t&source=web&rct=j&url=https://ustazkenali.wordpress.com/2013/06/30/apakah-maksud-metodologi/&ved=2ahUKEwi6y9Sn9sPxAhVwxzgGHWyqCKMQFjAFegQIIxAC&usg=AOvVaw2FYW2jGkRuf-wMDowHzDH1&cf=1>. Diakses pada 10 Januari 2022.
- Zakaria Bin Haron (2006). *Kajian Kompetensi Pegawai Kanan Polis Polis Diraja. Malaysia Kontinjen Terengganu*. Fakulti Pembangunan Sosial Dan Manusia. Universiti Utara Malaysia